

Ucapan Dr M disiar dalam Internet

Oleh Zulkofli Jamaludin

Bti - 2 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Rahu ~ Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Perhimpunan Agung Umno, 11 Mei ini akan disiarkan secara langsung menerusi Internet.

Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata turut disiarkan secara langsung ialah keputusan pemilihan Majlis Tertinggi (MT) dan perhimpunan perwakilan.

"Kita akan menggunakan kaedah persidangan video bagi memastikan mutu gambar dan suara adalah yang terbaik," katanya selepas melancarkan akhbar elektronik parti itu *Berita r-UMNO* di sini, hari ini.

Beliau berkata, perkembangan secara langsung perhimpunan agung selama tiga hari itu boleh diikuti pada

laman web *Berita e-UMNO* menerusi alamat: [www@umno.org.my/e-umno](http://www.umno.org.my/e-umno).

"Selain perhimpunan agung, anggota juga boleh melayari laman web itu bagi mengikuti secara langsung persidangan berita oleh Presiden parti setiap kali selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno," katanya.

Tengku Adnan berkata, laman web *Berita e-UMNO* juga akan menyiarkan pelbagai maklumat terkini berhubung perkembangan Umno di seluruh negara di peringkat cawangan, bahagian dan pusat.

"Laman web ini dibahagikan kepada beberapa segmen iaitu amanat pemimpin, berita Umno pusat, segmen Pemuda dan Wanita, segmen Kelab Umno, isu semasa ser-

ta isu ekonomi, agama dan sosial," katanya.

Beliau berkata, laman web itu turut menyiarkan secara audio visual rakaman temubual eksklusif dengan pemimpin parti mengenai isu semasa.

"Laman web yang dikedir maskini secara harian ini juga menyiarkan berita dalam bahasa Inggeris," katanya.

Beliau berkata, ahli Umno yang tidak mempunyai komputer di rumah mereka boleh menggunakan kemudahan komputer yang disediakan di pejabat Umno bahagian dan cawangan.

Menurutnya, ahli juga boleh mengemukakan pendapat mereka untuk disiarkan di laman web itu dengan menghantar e-mail ke: info@umno.org.my.